MAJLIS DAERAH SELAMA
34100 SELAMA
PERAK DARUL RIDZUAN
TEL: 05-839 4201 / 8392021

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan kosong dan keutamaan akan diberikan kepada rakyat Negeri Perak Darul Ridzuan.

Bil	Jawatan	Gred	Taraf Jawatan
1.	**PEMBANTU TADBIR**	**GRED N1**	**KONTRAK**

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut;

1. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau

2. Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau

3. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,561.00); atau

4. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00); atau

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

Pembantu Tadbir di bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas berkaitan;

1. Menerima maklumat tempahan daripada Unit Promosi, Pemasaran, Acara Pelancongan Dan Pelatih Kursus/Program.

2. Menyediakan dokumentasi perolehan sebut harga, invois dan tentatif pakej pelancongan Selama Tourism Dan Selama Inn@Rumah Rehat Selama kepada pelanggan.

3. Membantu mengurus tempahan program termasuk aktiviti, logistik, peralatan, makan dan minum kepada operator pelancongan tempatan dan luar.

4. Berurusan dengan pelanggan bagi urusan tempahan pakej pelancongan.

5. Membantu menyelaras, menyedia dan melaksana pembangunan produk pelancongan termasuklah kemahiran dan lain-lain bantuan kepada operator pelancongan yang berdaftar.

6. Membantu membuka, menyelenggara dan mempromosi pelancongan daerah Selama melalui bukaan booth pelancongan di program/acara pelancongan berkaitan di peringkat daerah, negeri dan antarabangsa.

7. Membantu pengurusan pakej di lapangan dan acara/program rasmi Pelancongan Majlis Daerah Selama.

8. Membantu menyelaras, menyedia dan bertindak sebagai urusetia pembentangan projek fizikal berkaitan pembangunan pelancongan di daerah Selama, Perak.

9. Membantu mengurus tugas-tugas pentadbiran am jabatan seperti urusetia mesyuarat, catit minit, kursus, bengkel dan lain-lain berkaitan.

10. Lain-lain bidang tugas berkaitan yang diarahkan oleh Ketua Jabatan, Setiausaha dan Yang Dipertua.

PERMOHONAN:

Melayari pautan **https://digital.perak.my** mulai **17 November 2026**

Tarikh Tutup Permohonan: 30 November 2026

Catatan Am:

Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.